# KURSUS ASAS PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) DAN PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ)
## 13 SEPTEMBER 2021

***Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali***

*Pada 13 September 2021 (Isnin), Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah menganjurkan Kursus Asas Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tdbir Rekod Jabatan (PTRJ). Kursus ini melibatkan staf UiTM Cawangan Pahang yang menguruskan dan mengendalikan rekod Jabatan di bahagian atau unit masing-masing dan terbuka untuk disertai oleh staf UiTM seluruh Malaysia yang berminat.*

*Objektif kursus ini menekankan kepentingan pengurusan rekod yang sangat baik serta tugas-tugas pegawai rekod jabatan dan pembantu tadbir jabatan. Setiap PRJ dan PTRJ yang bertanggungjawab ke atas Rekod Jabatan perlu menghadiri kursus ini kerana pihak Arkib Negara Malaysia (ANM) Negeri Pahang menetapkan kehadiran di kursus ini merupakan syarat utama bagi mendapatkan surat pelantikan PRJ dan PTRJ. Penceramah jemputan kursus ini ialah Puan Saidatul Nor Rafizah binti Wan Teh, Penolong Pegawai Arkib Kanan (ANM HQ) dan dianjurkan secara atas talian melalui medium Cisco Webex.*

*Seramai 150 orang peserta telah menyertai kursus ini secara atas talian melalui platform Webex.*











